	<p><b>Aras 3</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas  Bukti / contoh sesuai  Membuat inferens  Jawapan mendalam  Komunikasi / pengolahan menarik  Contoh:  <i>Mencapai status negara berdaulat adalah hasil usaha pemimpin terdahulu Sanggup berkorban untuk keselesaan dan keharmonian generasi kini.</i>  <i>Generasi kini perlu menghayati dan menghargai erti kedaulatan sebenar</i>  <i>Mengekalkan kedaulatan bukan dibahu pemimpin negara sahaja</i>  <i>Rakyat perlu mengekalkan permuafakatan, toleransi dan sayang menyangi antara kaum</i>  <i>Kesetiaan yang jitu kepada negara adalah sikap sanggup berkorban apa sahaja demi negara</i>  <b>Contoh</b> pengorbanan pasukan keselamatan mempertahankan kedaulatan negara semasa Peristiwa pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu.  Pemerintah dan rakyat perlu berkerjasama agar keamanan dan kesejahteraan negara dikekalkan.  “Kedaulatan negara bergantung pada warganya yang bersatu” titah Duli Yang Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.  Oleh itu, generasi kini perlu bersyukur dan berusaha mengekalkan kedaulatan negara  Sepakat membawa berkat</p>	5 – 6 M
	<p><b>Aras 2</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas  Jawapan dihuraikan tetapi terhad  Komunikasi / pengolahan kurang menarik  Contoh:  <i>Mencapai status negara berdaulat adalah hasil usaha pemimpin terdahulu Sanggup berkorban untuk keselesaan dan keharmonian generasi kini.</i>  <i>Generasi kini perlu menghayati dan menghargai erti kedaulatan sebenar</i>  <i>Mengekalkan kedaulatan bukan dibahu pemimpin negara sahaja</i>  <i>Rakyat perlu mengekalkan permuafakatan, toleransi dan sayang menyangi antara kaum</i></p>	3 – 4 M
	<p><b>Aras 1</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad  Jawapan mudah dan umum  Komunikasi / pengolahan terhad  Contoh:  <i>Mencapai status negara berdaulat adalah hasil usaha pemimpin terdahulu Sanggup berkorban untuk keselesaan dan keharmonian generasi kini.</i>  <i>Generasi kini perlu menghayati dan menghargai erti kedaulatan sebenar</i></p>	1 – 2 M

## BAB 1 KEDAULATAN NEGARA

### K1: Soalan Objektif

Arahan: Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

#### 1.1 Konsep Kedaulatan

1. Kedaulatan ialah supernus atau superanus dalam bahasa Yunani. Apakah maksud perkataan tersebut? (Buku teks m.s. 4)
  - A. Semangat kekitaan
  - B. Negara merdeka
  - C. Keadilan mutlak
  - D. Pemerintahan beraja
2. Apakah persamaan sumbangan tokoh berikut? (Buku teks m.s. 5)
 

TOKOH	AHLI FALSAFAH
Aristotle	Yunani
Jean Bodin	Perancis

  - A. Penyatuan negara
  - B. Pengasas realpolitik
  - C. Tafsiran kedaulatan
  - D. Kediktatoran pemerintah

3. Bagaimanakah menentukan jenis kedaulatan sesebuah negara? (Buku teks m.s. 6)
  - A. Rumpun bahasa
  - B. Etnik kerakyatan
  - C. Sempadan negeri
  - D. Bentuk pemerintahan
4. Bagaimanakah kedudukan raja ditentukan mengikut kedaulatan tradisional? (Buku teks m.s. 6)
  - A. Kesetiaan rakyat
  - B. Kestabilan politik
  - C. Kekuatan ketenteraan
  - D. Keunggulan perlombagaan
5. Apakah kesan daripada pembentukan kedaulatan antarabangsa? (Buku teks m.s. 7)
  - A. Menjamin keamanan negara
  - B. Mengukuhkan pemerintahan negara
  - C. Mengukuhkan kemakmuran ekonomi
  - D. Menjaga hal ehwal alam sekitar

#### 1.2 Ciri Negara yang Berdaulat

6. Apakah ciri-ciri kedaulatan yang menjadi identiti sebuah negara? (Buku teks m.s. 8-9)
  - I. Mempunyai teknologi
  - II. Mempunyai kewangan
  - III. Mempunyai sempadan
  - IV. Mempunyai pemerintahan
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
7. Singapura dan Thailand merupakan negara jiran Malaysia. Bagaimanakah tindakan negara mewujudkan pemisahan antara negara tersebut? (Buku teks m.s. 8)
  - A. Pendaftaran kerakyatan
  - B. Penguatkuasaan undang-undang
  - C. Pengukuhan kawalan ketenteraan
  - D. Penetapan sempadan
8. Apakah kuasa yang terlibat dalam melaksanakan dasar pentadbiran negara? (Buku teks m.s. 10)
  - I. Badan Berkanun
  - II. Jemaah Menteri
  - III. Kementerian berkaitan
  - IV. Pihak berkuasa tempatan
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

#### **Langkah Mempertahankan Kedaulatan**

**1.4**

- Kerajaan berperanan melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi negara.  
Bagaimanakah peranan tersebut dapat dilaksanakan ? (Buku teks m.s. 10)

- A. Selepas perlantikan Perdana Menteri
- B. Selepas penubuhan kabinet kerajaan
- C. Selepas pilihan raya umum dijalankan
- D. Selepas negara memperoleh kemerdekaan

10. Berikut merupakan lambang-lambang negara.



Mengapa lambang-lambang ini perlu dihormati oleh rakyat? ? (Buku teks m.s. 14)

- A. Membina sahsiah diri yang berdisiplin
- B. Menanam perasaan cinta akan negara
- C. Mempertahankan kemakmuran negara
- D. Mengelakkan sistem demokrasi berparlimen

### 1.1 Konsep Kedaulatan (Takrif & Pandangan)

1. Beberapa orang tokoh memberikan tafsiran mereka tentang kedaulatan yang sesuai dengan zamannya.

(a) Jelaskan takrif kedaulatan oleh tokoh-tokoh berikut :

(i) Ibnu Khaldun (Ilmuwan Islam)

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(ii) Jean Bodin (Ahli Falsafah Politik Perancis)

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Apakah kepentingan negara mempunyai kedaulatan undang-undang ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(c) Kedaulatan negara perlu sentiasa dipertahankan oleh seorang warganegara yang mempunyai semangat patriotik.

Berikan penjelasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

#### Skema Soalan 1 (Buku teks m.s. 5-7)


- |       |  |
|-------|--|
| a(i)  | F1: Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya<br>F2: Diiringi dengan semangat beragama<br>F3: Sesuatu bangsa rela berkorban demi mencapai cita-cita yang sama  |
| a(ii) | F1: Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara<br>F2: Bersifat kekal<br>F3: Mempunyai kuasa tidak terbatas<br>F4: Membuat undang-undang, mentafsir dan melaksanakannya  |
| (b)   | F1: Menjadikan negara aman<br>F2: Menjamin keadilan masyarakat<br>F3: Menstabilkan politik negara<br>F4: Mencapai kemakmuran ekonomi<br>F5: Mengelakkan penyalahgunaan kuasa   |
| (c)   | M1: Menjamin keselamatan negara<br>M2: Melindungi hak masyarakat<br>M3: Mengelakkan berlakunya percaduhan antara kaum<br>M4: Menjadi benteng daripada serangan musuh<br>M5: Disegani oleh negara luar<br>M6: Sebagai lambang kesatuan dan perpaduan<br>(Mana-mana jawapan munasabah) |

#### Ruangan Catatan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

## 1.1 Konsep Kedaulatan

2. Rajah berikut merujuk kepada jenis kedaulatan yang diamalkan oleh sesebuah negara.



- (a) Nyatakan jenis kedaulatan :

X : .....  
Y : ..... [2 markah]

- (b) Jelaskan maksud :

- (i) Kedaulatan Undang-undang.

.....  
.....  
..... [2 markah]

- (ii) Kedaulatan Antarabangsa.

.....  
.....  
..... [2 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah terdapat pelbagai jenis kedaulatan yang diamalkan oleh negara di dunia pada hari ini ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
..... [4 markah]

### Skema Soalan 2 (Buku teks m.s. 6 - 7)

- (a) X: Kedaulatan Tradisional  
Y: Kedaulatan Moden
- b(i) F1: Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi  
F2: Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat  
F3: Menjadikan negara aman, stabil dan makmur
- b(ii) F1: Merujuk pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)  
F2: terhadap sesebuah negara  
F3: tidak boleh dicabuli oleh negara lain
- (c) M1: Setiap negara menentukan acuan pentadbiran sendiri  
M2: Menjamin keamanan dan kesejahteraan negara  
M3: Menentukan sendiri nasib rakyat dan hala tuju negara melalui kemerdekaan  
M4: Berlaku perbezaan sistem pemerintahan  
M5: Setiap negara mempunyai hak menentukan bentuk dan jenis kedaulatan  
M6: Mengikut kerajaan / pemimpin yang memerintah sesebuah negara  
M7: Setiap negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan  
M8: Negara yang berdaulat merupakan negara yang merdeka  
(Mana-mana jawapan munasabah)

### Ruangan Catatan

#### **1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan**

3. Pemerintah dan rakyat perlu bekerjasama untuk mewujudkan kestabilan politik serta kemakmuran ekonomi, mengekalkan perpaduan kaum, memupuk patriotisme dan mengukuhkan pertahanan negara.

- (a) Bagaimanakah pemerintah dapat mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi dalam mempertahankan kedaulatan negara?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (b) Terangkan peranan rakyat dalam usaha mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

- (c) Seseorang warganegara Malaysia memainkan peranan penting dalam mempertahankan kedaulatan negara. Jelaskan.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

Skema Soalan 3 (Buku teks m.s. 12)

- (a) F1: Menjalankan pentadbiran dengan cekap dan telus  
F2: Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran  
F3: Memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil kepada semua kaum  
F4: Melalui dasar pembangunan ekonomi  
F5: Melaksanakan undang-undang negara  
F6: Menurut perlombagaan secara berkesan

(b) F1: Memberikan kesetiaan kepada raja dan negara  
F2: Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan  
F3: Bagi mewujudkan kestabilan politik  
F4: Memupuk Kerjasama dengan semua kaum  
F5: Agihan kekayaan negara dinikmati oleh semua  
F6: Mematuhi undang-undang negara

(c) F1: Peka terhadap isu keselamatan negara  
H1a: Memikul tanggungjawab bersama mempertahankan kemerdekaan negara  
H1b: Tidak bersekongkol / berkolaborasi  
C1: Membawa masuk / menyebarkan ideologi komunis  
H1c: Menyertai pasukan sukarelawan di kawasan perumahan / rukun tetangga  
H1d: Melakukan rondaan waktu malam untuk mengurangkan jenayah  
H1e: Menghargai pengorbanan pasukan keselamatan negara  
I: Sanggup berkorban mempertahankan kedaulatan negara  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

Ruangan Catatan

## Ruangan Catatan

**1.1 Konsep Kedaulatan**  
**1.2 Ciri Negara yang Berdaulat**

4. Kedaulatan negara kita dapat dilihat dengan jelas sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 pula mengukuhkan serta memantapkan negara bangsa kita yang bebas dan berdaulat. (Buku teks m.s. 4 – 9)

(a) Apakah yang anda faham dengan konsep kedaulatan ?

[6 markah]

F1:	Kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas	F8:	Tokoh Jean Bodin seorang ahli falsafah politik Perancis
H1a	Mempunyai hak melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara	H8a	Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara
F2:	Bahasa Yunani ialah <i>supernuus</i> atau <i>superanus</i>	H8b	Bersifat kekal
H2a	Bermaksud agung atau tertinggi	H8c	Mempunyai kuasa tidak terbatas
H2b	Merujuk negara yang bebas dan merdeka	H8d	Membuat undang-undang, mentafsir dan melaksanakannya
F3	Bahasa Inggeris ialah <i>sovereignty</i>	F9:	Tokoh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj iaitu Perdana Menteri Malaysia Pertama
H3a	Bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan	H9a	Prinsip kebebasan dan keadilan
F4:	Bahasa Arab ialah berasal daripada kata <i>daulah</i>	H9b	Memperjuangkan kebijikan / kesejahteraan rakyat
H4a:	Bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan	F10:	Tokoh Tun Dr. Mohamed Salleh Abas iaitu mantan Ketua Hakim Negara
F5:	Bahasa Melayu ialah merujuk perkataan daulat	H10a	Negara merdeka memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa
H5a	Bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara	H10b	Hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk kuasa asing
F6:	Tokoh Aristotle seorang Ahli Falsafah Yunani		
H6a	Kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara		
H6b	Kerajaan yang terikat dengan undang-undang		
F7:	Tokoh Ibnu Khaldun seorang Ilmuwan Islam		
H7a	Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara		
H7b	Berasaskan semangat kekitaan bangsanya		
H7c	Diiringi dengan semangat beragama		
H7d	Sesuatu bangsa rela berkorban demi mencapai cita-cita yang sama		

(b) Sejauhmanakah Malaysia merupakan sebuah negara yang berdaulat ? Buktikan. [6 markah]

**F1: Mempunyai pemerintahan**

- H1a Diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi  
H1b Dijalankan secara teratur  
H1c Malaysia sebagai negara Persekutuan  
C1a Mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen  
C1b Di bawah pemerintahan Raja Berperlembagaan  
H1d Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara  
H1e Perdana Menteri menjadi Ketua Kerajaan  
H1f Dibantu oleh Jemaah Menteri

**F3: Mempunyai perundangan**

- H3a Asas kepada peraturan negara  
H3b Memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat  
H3c Asas kepada sistem perundangan negara kita berpandukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957  
H3d Parlimen bertanggungjawab menggubal dan menentukan sistem perundangan negara kita

**F2: Mempunyai Sempadan**

- H2a Merupakan pemisah antara negeri atau negara  
H2b Malaysia berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran  
C2 seperti Singapura / Thailand / Indonesia / Brunei / Filipina  
H2c Sempadan Malaysia diakui oleh PBB  
H2d Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan, pertahanan dan pembangunan ekonomi negara kita

**F4: Mempunyai Rakyat**

- H4a Rakyat merupakan penduduk di sesebuah negara  
H4b Rakyat terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah  
H4c Rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum agama dan adat resam  
H4d Disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan Rukun Negara serta identiti nasional yang sama

(c) Lambang kedaulatan negara kita dapat dilihat melalui Institusi Beraja. Berikan ulasan anda. [8 markah]

**F1: Raja merupakan simbol perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara kita**

- H1a Rakyat menganggap baginda sebagai pemelihara kepentingan dan harapan rakyat kerana raja merupakan ketua dalam segala perkara  
C1 Contohnya Ketua Negara, Ketua Negeri dan ketua agama  
H1c Oleh itu, kesetiaan diberikan hanya kepada raja sebagai pelindung rakyat  
I Kesetiaan kepada raja inilah yang menjadi teras pembinaan negara bangsa yang berdaulat

**F2: Kedudukan Raja-raja tidak akan dipersoalkan**

- H2a Berdaulat dan berkuasa penuh terhadap negeri masing-masing  
C1 Seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia  
H2c Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong.  
I Memupuk semangat taat setia kepada raja dan negara  
I Sikap dan amalan menghormati membuktikan lambang kedaulatan negara kita sebagai sebuah yang berdaulat

### 1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

5. Logo berikut menunjukkan negara Malaysia telah mencapai 56 tahun merdeka sebagai sebuah negara yang berdaulat.



- (a) Apakah kelebihan negara yang berdaulat? (Buku teks m.s. 10 – 11)

[4 markah]

<b>F1:</b> Dapat melaksanakan pentadbiran secara berkesan	<b>F4</b> Mewujudkan hubungan luar yang cemerlang
H1a Dengan menjalankan pentadbiran secara bebas	H4a Mengikut acuan sendiri
H1b Tanpa campur tangan pihak luar	H4b Mengadakan perjanjian dan kerjasama
<b>F2:</b> Melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi	
H2a Bagi meningkatkan taraf hidup rakyat	
F3 Melaksanakan dasar sosial	
H3a Untuk kesejahteraan rakyat	
H3b Melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan bersatu padu	

- (b) Jelaskan kepentingan mewujudkan negara berdaulat. (Buku teks m.s. 10 – 11)

[8 markah]

<b>F1:</b> Memastikan keberkesanan pentadbiran negara	<b>F3:</b> Menjamin kesejahteraan sosial rakyat
H1a Memberikan kebebasan kepada negara	H3a Melalui sistem pendidikan
H1b Menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar	H3b Melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran
H1c Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan	H3c Memberikan sumbangan untuk pembangunan negara
C1 Melalui Jemaah Menteri dan Kementerian yang berkaitan	C3 Diperkenalkan dasar berkaitan bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan dan Rukun Negara
H1d Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilakukan melalui pengagihan kuasa	H3d Memupuk perasaan muhibah dan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia
H1e Sistem pentadbiran diperkuuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan	<b>F4:</b> Memberikan hak menjalankan hubungan luar
<b>F2:</b> Menjalankan dasar kemakmuran ekonomi	H4a Melalui penggubalan dasar luar negara kita
H2a Meningkatkan taraf hidup rakyat	H4b Menjalankan hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara lain
H2b Membawa pembangunan ekonomi	H4c Mengadakan perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang
H2c Bidang pertanian / perindustrian / perdagangan	H4d Dapat menikmati pelbagai faedah
H2d Melalui dasar pembangunan ekonomi negara	H4e Membantu mempertahankan kedaulatan
	H4f Meningkatkan imej negara
	H4g Masyarakat antarabangsa turut mengakui peranan dan kebolehan negara kita

- (c) Sebagai sebuah negara berdaulat, pelbagai usaha yang dapat dilakukan bagi memperkasakan imej Malaysia di persada dunia. Bincangkan. [8 markah]

Aras 4

Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas  
Bukti/contoh sangat sesuai  
Membuat inferens yang tepat  
Jawapan yang sangat mendalam / terperinci  
Komunikasi/pengolahan sangat menarik  
Menunjukkan kematanangan

- Penskoran berdasarkan holistik / rubrik
  - Aras 4 = 7 – 8 markah
  - Aras 3 = 5 - 6 markah
  - Aras 2 = 3 - 4 markah
  - Aras 1 = 1 - 2 markah

Contoh:

- mengukuhkan kedudukan ekonomi negara
- menjadikan hub pendidikan dan ekonomi dunia
- menghapuskan amalan rasuah
- mewujudkan pentadbiran yang berintegriti
- menjalinkan hubungan diplomatik
- mendukung dasar berkecuali
- memberikan bantuan kepada negara-negara yang memerlukannya
- berani menyuarakan ketidakadilan dalam pergolakan dunia hari ini
- mempertahankan hak asasi manusia

**BAB 2 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**
**K1: Soalan Objektif**

**Arahan:** Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

**2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan**

1. Berikut merupakan contoh undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu.

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-undang 99 Perak

Apakah kepentingan undang-undang tersebut ?  
(Buku teks m.s. 22)

- A. Simbol perpaduan kaum  
B. Lambang kemerdekaan negara  
C. Lambang keagungan pemerintah  
D. Bukti kewujudan undang-undang sebelum kedatangan kuasa Barat

2. Pada tahun 1959, Perlembagaan Sarawak telah memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada dua buah majlis. Apakah majlis tersebut ?  
(Buku teks m.s.2 4)

- I. Majlis Kerja  
II. Majlis Negeri  
III. Majlis Tertinggi  
IV. Majlis Undangan
- |             |               |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

3. Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



Bangunan Parlimen Malaysia

Apakah peranan parlimen dalam pentadbiran negara kita ? (Buku teks m.s. 25)

- A. Memilih Perdana Menteri  
B. Melantik Yang di-Pertuan Agong  
C. Mengelakkan kedaulatan negara  
D. Membentuk undang-undang negara

**2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan**

4. Jadual menunjukkan sejarah penggubalan Perlembagaan negeri Melayu di Tanah Melayu.  
(Buku teks m.s. 26)

1946	
Negeri	Majlis
Negeri-negeri Selat	Majlis Undangan Negeri
Negeri-negeri Melayu Bersekutu	Majlis Persekutuan
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	X

Apakah badan X yang menggubal perlembagaan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu ?  
(Buku teks m.s. 26)

- A. Majlis Kerja  
B. Majlis Diraja  
C. Majlis Negeri  
D. Majlis Tertinggi

5. Mengapakah perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dianggap penting dalam perkembangan perlembagaan negara?  
(Buku teks m.s. 26)

- A. Majlis raja-raja Melayu bersidang  
B. Rakyat menyuarakan pandangan  
C. Pembentukan sebuah persekutuan  
D. Parlimen diberikan kuasa perundangan

6. Apakah terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957 ? (Buku teks m.s. 27)

- A. Kedudukan Bahasa Melayu  
B. Kerajaan Negeri yang kukuh  
C. Keistimewaan sah kaum lain  
D. Kewarganegaraan yang sama

### **2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan**

7. Maklumat berikut merujuk kepada kuasa pemerintahan.

- Membuat perlantikan jawatan utama negara
- Mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman orang disabitkan kesalahan oleh mahkamah

Apakah kuasa pemerintahan tersebut ?

(Buku teks m.s. 28)

- A. Perdana Menteri
- B. Badan Kehakiman
- C. Yang di-Pertuan Negeri
- D. Yang di-Pertuan Agong

8. Ah Heng dilahirkan di Pulau Pinang. Menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, apakah status kewarganegaraan Ah Meng di negeri Perak ? (Buku teks m.s. 28)

- A. Rakyat sultan
- B. Rakyat British
- C. Rakyat Persekutuan
- D. Rakyat Pulau Pinang

### **2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965**

9. Apakah yang menjadi asas perlembagaan baru untuk Persekutuan Malaysia 1963 ? (Buku teks m.s. 30)

- A. Undang-undang British
- B. Undang-undang negeri Melayu
- C. Perlembagaan Tanah Melayu 1957
- D. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

10. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan sejarah tanah air.

(Buku teks m.s. 31)

Tahun	Peristiwa
1965	Singapura keluar dari Malaysia

Bagaimanakah peristiwa tersebut dilaksanakan?

- A. Perjanjian pemisahan
- B. Persetujuan pemimpin
- C. Pindaan perlembagaan
- D. Arahan Perdana Menteri

## 2.1 Perlembagaan Persekutuan

1. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sesebuah negara.

- (a) Undang-undang bertulis di negeri Melayu banyak dipengaruhi oleh Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Berikan **dua** undang-undang bertulis yang terdapat di negeri-negeri Melayu tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan pengenalan undang-undang Inggeris di Negeri-negeri Selatan, Sarawak dan Sabah pada abad ke-19.

[4 markah]

- (c) Pada pandangan anda, mengapakah kuasa Barat memperkenalkan sistem perundangan mereka di negara kita ?

.....  
.....

[4 markah]

Skema Soalan 1 (Buku teks m.s. 22)

- (a) F1: Hukum Kanun Pahang  
F2: Undang-undang Kedah  
F3: Undang-undang Johor  
F4: Undang-undang 99 Perak

(b) F1: British memperkenalkan undang-undang di NNS  
H1a: Dikenali sebagai Charted of Justice  
H1b: Diambil daripada undang-undang yang digubal di England  
H1c: Untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan  
H1d: Piagam yang bersesuaian sahaja digunakan di NNS  
C1: Contohnya Charter of Justice 1807  
F2: Di Sarawak terdapat The Sarawak Application of Law Ordinance 1949  
H2: Menggunakan The Common Laws of England  
F3: Di Sabah terdapat undang-undang yang sama  
H3: Disebut sebagai Sabah Application of Laws Ordinance 1951

(c) F1: Memenuhi keperluan ekonomi penjajah  
H2a: Mengawal hak milik tanah orang Melayu / bumiputera  
H2c: Memudahkan urusan pentadbiran  
H2d: Mengukuhkan kuasa di kawasan penjajah  
C1: Seperti urusan cukai / pajakan / sewa beli / penjualan / pembelian / cagaran  
I: Mengurangkan kuasa raja dan pembesar tempatan  
I: Memudahkan pengurusan pentadbiran British  
(Mana-mana jawapan munasabah)

Ruang Catatan

## 2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

2. Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan negara kita bermula sejak tahun 1877 hingga 1957.

- (a) Nyatakan kuasa yang menggubal undang-undang di negeri-negeri yang berkenaan pada tahun 1946.

(i) Negeri-negeri Selat (NNS)

.....

(ii) Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

.....

(iii) Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)

.....

[3 markah]

- (b) Nyatakan terma-terma yang menjadi rujukan utama dalam penggubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

### Skema Soalan 2 (Buku teks m.s. 17 - 22)

- (a) (i) Majlis Undangan Negeri  
(ii) Majlis Persekutuan  
(iii) Majlis Negeri

- (b) F1: Kerajaan Persekutuan yang kukuh  
F2: Menjamin kedaulatan Raja-raja Melayu  
F3: Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain  
F4: Parlimen hendaklah mengandungi dua Dewan, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara  
F5: Kewarganegaraan yang sama

- (c) F1: Rakyat tidak terbeban kerana kandungannya dapat dipatuhi dengan rela hati  
H1a: Pemimpin yang dipilih dapat melaksanakan tanggungjawab dengan adil  
H1b: Supaya tidak mengelirukan rakyat  
C1 : Pindaan akta Hasutan 1970  
I : Mendukung aspirasi pemerintahan Demokrasi Berparlimen  
I : Memantapkan sistem pentadbiran/ ekonomi/ sosial  
(Mana-mana jawapan munasabah)

### Ruangan Catafan

.....

.....

[4 markah]


- (c) Undang-undang yang digubal di Parlimen hendaklah adil dan relevan. Berikan ulasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

### **2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan**

3. Rajah berikut berkaitan dengan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.



- (a) Nyatakan **dua** ciri Tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan ciri moden sistem demokrasi berparlimen dalam Perlembagaan Persekutuan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (c) Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah anda mempertahankan sistem demokrasi berparlimen ?

.....  
.....

[4 markah]

**Skema Soalan 3 (Buku teks m.s. 23 – 28 )**

- (a) F1: Kesultanan atau Pemerintahan Beraja  
F2: Agama Islam  
F3: Bahasa Melayu  
F4: Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera

(b) F1: Sistem Demokrasi Berparlimen  
H1a: Memperkenalkan pilihan raya umum 1955  
H2b: Bertujuan memberikan kebebasan rakyat memilih pemimpin  
H2c: Rakyat menentukan kerajaan yang memerintah  
H2d: Ditubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya  
H2e: Badan ini bertanggungjawab menjalankan pilihan raya persekutuan atau negeri  
H2f: Pilihan raya persekutuan bagi memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan  
H2g: Pilihan raya negeri bagi memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri


(c) M1: Memahami hak dan kebebasan rakyat di bawah perlombagaan  
M2: Mematuhi peraturan yang terkandung dalam perlombagaan  
M3: Sentiasa bertindak mengikut lunas-lunas perlombagaan  
M4: Tidak mempersoal atau memperlekehkan perlombagaan negara  
M5: Tidak menimbulkan perkara-perkara sensitif  
M6: Mempertahankan perkara yang telah digubal  
M7: Memahami sejarah penggubalan perlombagaan negara  
M8: Sanggup berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara  
M9: Ikhlas memperjuangkan kedaulatan dan kemakmuran negara  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

Ruangan Catatan

## 2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

## **2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan**

4. Rajah menunjukkan sejarah kronologi penggubalan Perlembagaan Persekutuan. (Buku teks m.s. 20 – 22)



- (a) Apakah maksud perlembagaan?

[4 markah]

- |     |   |     |  |
|-----|---|-----|--|
| F1: | Merupakan undang-undang tertinggi           | F4: | Menjadi asas panduan kepada kerajaan       |
| F2: | Sebagai dokumen undang-undang bertulis      | F5: | Sebagai teras pemerintahan sesebuah negara |
| F3: | Mengandungi asas semua undang-undang negara |     |  |

- (b) Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula pada tahun 1877 hingga tahun 1957.

Berikan penjelasan anda. (Buku teks m.s. 25 – 27)

[8 markah]

- F1:** **Tahun 1877, Majlis Negeri Perak bersidang**

H1a Dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf

H1b Titik tolak kepada pembentukan undang-undang negara

H1c Majlis Negeri Perak berperanan menggubal undang-undang bagi negeri Perak

H1d Majlis Negeri Melayu lain memulakan pembentukan undang-undang negeri masing-masing

- F2:** Tahun 1946, Undang-undang di NNS digubal  
H2a Oleh Majlis Undangan Negeri  
H2b Undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu  
H2c (NNMB) digubal oleh Majlis Persekutuan  
H2d Undang-undang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) digubal oleh Majlis Negeri

- F3: Tahun 1948, Pembentukan undang-undang PTM  
H3a Titik penting kepada pembentukan sebuah persekutuan  
H3b Terdiri daripada 9 Negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang  
C3 Kandungan undang-undang termasuk bidang pentadbiran / kuasa raja Melayu / perundangan / kewarganegaraan

- F4:** Tahun 1957, Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan

H4a Dikenali juga sebagai Suruhanjaya Reid

H4b Perlembagaan PTM yang merdeka dibentuk

H4c Berasaskan model Westminister yang diambil

H4d daripada Britain

H4e Perlembagaan ini berkuatkuasa sejurus selepas PTM mencapai kemerdekaan

H4f Menjadi asas kepada perlembagaan negara hingga kini

- (c) Kemajuan dan kejayaan pembangunan Malaysia dipengaruhi oleh sistem perundangan yang mantap.  
Buktikan pernyataan tersebut. [8 markah]

F1: Malaysia mempunyai undang-undang dan sistem perundangannya yang tersendiri

- H1a Menjadikan pentadbiran negara menjadi lancar

H1b Sistem perundangan negara tidak ketinggalan sebaris dengan negara-negara luar yang terkemuka

H1c Mempunyai hala tuju yang jelas dan tegas

H1d Hingga ke hari ini Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri mampu membentuk perundangan yang stabil.

C1 Ini terbukti dengan terserlahnya kejayaan Malaysia mengelakkan kesejahteraan negara sehingga kita hampir mencécah enam puluh tahun merdeka

  - | Melahirkan keadilan sosial
  - | Menjamin sistem perundangan yang adil
  - | Menarik kedatangan pelabur luar

- Penskoran berdasarkan holistik / rubrik
  - Aras 4 = 7 – 8 markah
  - Aras 3 = 5 - 6 markah
  - Aras 2 = 3 - 4 markah
  - Aras 1 = 1 - 2 markah

(Mana-mana jawapan munasabah)

## 2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

5. Perlembagaan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini. Walau bagaimanapun, beberapa pindaan dilakukan dari semasa ke semasa bagi menyesuaikannya dengan keperluan semasa negara. (Buku teks m.s. 30 – 31)

- (a) Terangkan perkara-perkara dalam pindaan perlembagaan 1963.

[4 markah]

<b>F1:</b> Struktur Mahkamah Atasan	<b>F2:</b> Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
H1a: Mahkamah Persekutuan diwujudkan	H2a: Menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah
H1b: Mahkamah Tinggi diwujudkan di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura serta Sarawak dan Sabah	<b>F3:</b> Yang di-Pertuan Negeri diwujudkan
H1c: Mendengar persoalan perlembagaan atau pertelingkahan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	H2a: Mengetui pemerintahan Sarawak dan Sabah H2b: Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong H2c: Bertugas mengikut nasihat Majlis Tertinggi di Sarawak atau Kabinet Negeri bagi Sabah

- (b) Gambarajah menunjukkan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (tiga dari kiri) menerangkan tentang pemisahan Singapura daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965.



Sumber: Buku Teks Tingkatan 5 KSSM

Mengapa pindaan 1965 Perlembagaan Persekutuan Malaysia perlu diluluskan ?

[8 markah]

F1: Menyelesaikan isu pemisahan Singapura	F7: Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (pindaan 1965)
F2: Diusulkan oleh Tunku Abdul Rahman	F8: Contohnya, dari segi imigresen, kewangan, hubungan luar negara dan pertahanan
F3: Selaku Perdana Menteri Malaysia	
F4: Dinamakan pindaan Singapura	
F5: Diluluskan di Parlimen pada 7 Ogos 1965	
F6: Membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia	

(c) Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan negara kita dipinda?

[8 markah]

F1: Memastikan perlembagaan relevan dengan situasi semasa

- H1a Pindaan dibuat bagi mengekalkan kedaulatan negeri sedia ada

H1b Untuk memansuhkan perkara yang tidak relevan

H1c Menjaga keselamatan negara

H1d Memelihara keamanan dan menjaga kepentingan rakyat

C1 Contohnya, negara kita juga mengalami pindaan perlumbagaan pada tahun 1963 dan 1965

  - | Bagi memantapkan / melicinkan pentadbiran
  - | Menjamin kemajuan negara.
  - | Mempertahankan kedaulatan negara.

- Penskoran berdasarkan holistik / rubrik
  - Aras 4 = 7 – 8 markah
  - Aras 3 = 5 - 6 markah
  - Aras 2 = 3 - 4 markah
  - Aras 1 = 1 - 2 markah

(Mana-mana jawapan munasabah)

**BAB 3 RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**
**K1: Soalan Objektif**

**Arahan:** Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

**3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen**

1. Senarai berikut berkaitan dengan Kesultanan Melayu. (Buku teks m.s. 38)

- Kesultanan Johor Riau
- Kesultanan Pahang
- Kesultanan Perak

Apakah kaitan ketiga-tiga kesultanan tersebut dengan Kesultanan Melayu Melaka ?

- A. Mengamalkan pemerintahan demokrasi
- B. Mengamalkan sistem pemerintahan beraja
- C. Legasi langsung Kesultanan Melayu Melaka
- D. Sezaman dengan Kesultanan Melayu Melaka

2. Bagaimanakah kedatangan Islam mempengaruhi pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka ? (Buku teks m.s. 38)

- A. Raja berwibawa
- B. Sultan berkuasa mutlak
- C. Kesultanan menjadi kukuh
- D. Sultan sebagai ketua agama Islam

**3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja**

3. Pernyataan berikut berkaitan dengan Durbar. (Buku teks m.s. 42)

Merupakan sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

Apakah yang dibincangkan oleh Durbar dengan pihak British ?

- A. Pilihan raya negara
- B. Undang-undang Islam
- C. Hal ehwal pentadbiran
- D. Kerakyatan yang sama

4. Persidangan Majlis Raja-Raja perlu disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja. Apakah peranan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja tersebut? (Buku teks m.s. 44)

- A. Mengukuhkan kedaulatan raja
- B. Menguruskan sekretariat Majlis
- C. Meluluskan rang undang-undang
- D. Memeterai keputusan persidangan

**3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan**

5. Perkara 32, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kedudukan Yang Dipertuan Agong. Apakah bidang kuasa baginda? (Buku teks m.s. 47/49)

- I. Boleh membuat pengisytiharan Darurat
- II. Melindungi kedudukan istimewa Melayu
- III. Menjatuhkan hukuman ke atas hakim
- IV. Mencadangkan rang undang-undang persekutuan

- |             |               |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

6. Bagaimanakah pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilakukan ? (Buku teks m.s. 46)

- I. Secara bergilir-gilir
- II. Melalui pilihan raya
- III. Kaedah sistem warisan
- IV. Peruntukan Perlembagaan Malaysia

- |             |               |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

**3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa**

7. Apakah kepentingan proses pilihan raya?  
(Buku teks m.s. 50)
  - A. Menguatkan jati diri
  - B. Memilih Perdana Menteri
  - C. Mewujudkan Kerjasama kaum
  - D. Menandakan wujudnya amalan demokrasi
8. Maklumat berikut berkaitan dengan amalan demokrasi di negara kita. (Buku teks m.s. 51)

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia  
Malaysia (SUHAKAM)

Apakah peranan SUHAKAM?

- A. Menjamin keselamatan
- B. Mengendalikan pilihan raya
- C. Melindungi hak asasi manusia
- D. Memperjuangkan kebebasan bersuara

**3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita.**

9. Sistem Raja Berperlembagaan mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara. Apakah bidang kuasa Badan Kehakiman ? (Buku teks m.s. 56)
  - A. Meredakan pertikaian parti politik
  - B. mengekalkan status quo orang melayu
  - C. Memudahkan dasar kerajaan diluluskan
  - D. Mengatasi kemasukan pengaruh luar
10. Apakah kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong dalam Kerajaan Persekutuan ?  
(Buku teks m.s. 57)
  - I. Melantik Ketua Menteri
  - II. Enggan membubarkan DUN
  - III. Enggan membubarkan Parlimen
  - IV. Melantik Perdana Menteri

A. I dan II	C. II dan III
B. I dan IV	D. III dan IV

### **3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen**

1. Pemerintahan beraja di negara kita berkembang sejak Kesultanan Melayu Melaka lagi dan telah menghadapi pelbagai cabaran semasa pentadbiran British dan Jepun.

- (a) Nyatakan dua bidang kuasa pemerintahan beraja semasa Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Nyatakan sistem pemerintahan yang diperkenalkan British di negeri Melayu berikut:

- i) Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

.....  
.....

[2 markah]

- #### ii) Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)

.....  
.....

[2 markah]

- (c) Kebijaksanaan Raja-raja Melayu membolehkan sistem pemerintahan Melayu dapat bertahan sehingga hari ini. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab,uraikan langkah-langkah untuk mempertahankan kedaulatan negara.

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

**Skema Soalan 1** (Buku teks m.s. 38 - 39)

- (a) F1: Pentadbiran  
F2: Perundangan  
F3: Kehakiman

b(i) F1: Sistem Residen  
F2: Raja-raja Melayu kekal sebagai pemerintah berdaulat  
F3: hamun menerima nasihat daripada pegawai British

b(ii) F1: Sistem Penasihat  
F2: Kedudukan raja lebih kukuh  
H2a: Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri digubal  
H2b: Bertujuan menghalang peluasan pengaruh British  
H2c: mengekalkan kedaulatan negeri

(c) M1: Mengukuhkan perpaduan rakyat  
M2: Menanam semangat patriotisme  
M3: Tidak menimbulkan kekacauan dan huru-hara  
M4: Menyokong dasar kerajaan  
M5: Menghormati institusi raja  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

## Ruangan Catatan

### **3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja**

2. Sejarah perkembangan institusi Majlis Raja-Raja bermula dengan pembentukan Durbar sehingga pengiktirafan Majlis Raja-Raja dalam perlembagaan negara.

- (a) Apakah maksud Durbar ?

[2 markah]

[2 markah]

- (b) Terangkan peranan Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

[4 markah]

- (c) Fungsi Majlis Raja-Raja masih relevan sampai sekarang. Berikan hujah anda.

---

---

---

---

---

[4 markah]

**Skema Soalan 2 (Buku teks m.s. 42 - 44)**

- (a) F1: Persidangan umum yang diadakan oleh Raja-raja Melayu dengan British  
F2: Untuk berbincang dengan pihak British berkaitan hal pentadbiran Kerajaan Persekutuan

(b) F1: Memilih Yang di-Pertuan Agong /Timbalan Yang di-Pertuan Agong  
F2: Bersetuju/tidak bersetuju dengan undang-undang yang memerlukan persetujuan MRR  
F3: Memberikan nasihat berkaitan dengan perlantikan jawatan tertentu  
F4: Menjadi rujukan dalam perubahan dasar  
H4a: seperti kedudukan istimewa orang Melayu/bumiputra Sabah dan Sarawak  
H4b: serta kepentingan sah kaum lain  
F5: Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu  
F6: Memperkenankan perubahan persempadanan negeri  
H6a: setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan  
F7: Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara tertentu

(c) Masih relevan kerana:  
M1: MRR merupakan institusi beraja di Malaysia  
M2: Pengimbang dalam sistem demokrasi  
M3: untuk dirundingi dalam beberapa pelantikan penting  
M4: Hak untuk membincangkan hal berhubung dengan dasar negara  
M5: Berperanan memakmurkan negara  
M6: Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu  
I: Melahirkan unsur permuafakatan/musyawarah dalam pentadbiran negara  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

Ruanan Catatan

### 3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

3. Gambar berikut menunjukkan Mesyuarat Majlis Raja-Raja di Istana Negara, Kuala Lumpur tahun 2019.

(a)



Mesyuarat Majlis Raja-Raja (Khas) Sempena Istiadat Melulus Suruhanjaya dan Mewujudkan Surat  
Suruhanjaya dan Surat Perintahuan Sen Puluh Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI di Istana Negara,  
Kuala Lumpur pada Januari 2019.

Nyatakan kedudukan Yang di-Pertuan Agong seperti yang termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam bidang eksekutif.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

#### Skema Soalan 3 (Buku teks m.s. 46 – 47)

- (a) F1: Ketua Utama Negara  
F2: Dipilih oleh Majlis Raja-Raja  
F3: bagi tempoh lima tahun
- (b) F1: Melantik Perdana Menteri/Jemaah Menteri  
F2: Melantik jawatan penting Angkatan Bersenjata  
F3: Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia  
F4: Melantik diplomat Malaysia ke luar negara  
F5: Menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka menjalankan tugas di Malaysia
- (c) M1: kedudukan termaktub dalam Perlembagaan Negara  
M2: Lambang perpaduan rakyat pelbagai kaum  
M3: mempertahankan warisan budaya bangsa  
M4: menjadi rujukan sekiranya berlaku pergolakan politik  
M5: memelihara identiti negara  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

#### Ruangan Catatan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa**

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan demokrasi di negara kita. (Buku teks m.s. 50 – 52)

- **Pilihan Raya**
- **Kebebasan asasi**
- **Pembahagian kuasa**

(a) Bagaimanakah pilihan raya di negara kita dilaksanakan ?

[4 markah]

- F1: Diadakan dalam tempoh lima tahun  
 F2: Diadakan secara konsisten sejak negara merdeka  
 F3: Parti politik bertanding untuk mendapatkan mandat rakyat

- F4: Kempen diadakan untuk rakyat mengenali calon wakil rakyat / memahami manifesto  
 F5: Rakyat mengundi secara rahsia

---



---



---



---



---



---



---



---



---

(b) Terangkan kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan negara kita? [8 markah]

- |   |   |
|---|---|
| F1: Hak seseorang individu di sisi undang-undang  | F3: Kebebasan beragama                                  |
| H1a: Dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan   | H3a: Islam sebagai agama Persekutuan                    |
| F2: Kebebasan diri  | F4: Hak dalam bidang pendidikan                         |
| H2a: Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya/dilucutkan kebebasan seseorang kecuali mengikut undang-undang | H4a: Tidak boleh ada diskriminasi                       |
|   | F5: Kebebasan bersuara/berhimpun/berpersatu secara aman |
|   | H5a:  |

---



---



---



---



---



---



---



---



---

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah rakyat dapat memelihara kebebasan asasi bagi menjamin ketenteraman dan kesejahteraan awam ? [8 markah]

- |   |  |
|---|--|
| F1: Mematuhi undang-undang                          | F3: Bersikap toleransi antara satu sama lain   |
| H1a: Tidak melakukan hasutan                        | H3a: Berusaha membanteras gejala sosial        |
| F2: Kebebasan asasi sebagai panduan hidup           | F4: Menguatkan jati diri/ semangat patriotisme |
| H2a: Menghormati pandangan dan pendirian orang lain | H4a: Mengeratkan perpaduan                     |
| C2: Mematuhi batasan kebebasan yang perlu dipatuhi  |  |

---



---



---



---



---



---



---



---



---

### 3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

5. Maklumat berikut berkaitan dengan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita. (Buku teks m.s. 56 – 57)

- **Gabungan unsur tradisional dan moden**
- **Mekanisme semak dan imbang**
- **Kerjasama politik**

(a) Jelaskan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen berikut.

- (i) Gabungan unsur tradisional dan moden  
(ii) Mekanisme semak dan imbang

[2 markah]

[2 markah]

(i) **Gabungan unsur tradisional dan moden**

- F1: Unsur tradisional ialah kedudukan asal raja  
H1a: Sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu  
F2: Unsur moden ialah demokrasi berparlimen berdasarkan model Westminster England  
H2a: Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen  
H2b: Mengimbangi amalan demokrasi

(ii) **Mekanisme semak dan imbang**

- F1: Kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara  
F2: Mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi  
H2a: Seperti pertikaian parti politik  
F3: Berlaku pengasingan kuasa  
H3a: Badan perundangan, eksekutif dan kehakiman

(b) Kejayaan kerjasama dan gabungan politik menjadi salah satu faktor yang membentuk pemerintahan negara kita. Huraikan kerjasama politik yang pernah dialami oleh negara kita. [8 markah]

- F1: Melibatkan perkongsian kuasa antara kaum  
H1a: Berdasarkan prinsip tolak ansur, perundingan dan pengorbanan  
H1b: Bagi mewakili suara setiap kaum  
F2: Permuafakatan parti politik pelbagai kaum  
H2a: Membolehkan mereka membentuk kerajaan
- F3: Parti Perikatan  
H3a: Sejak kemenangan dalam pilihan raya 1955  
F4: Barisan Nasional  
H4a: Memerintah kerajaan Malaysia sejak merdeka hingga tahun 2018

(c) Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, jelaskan sikap yang perlu anda amalkan bagi mewujudkan keharmonian masyarakat di tempat tinggal anda. [8 markah]

- Penskoran berdasarkan holistik / rubrik
  - Aras 4 = 7 – 8 markah
  - Aras 3 = 5 - 6 markah
  - Aras 2 = 3 - 4 markah
  - Aras 1 = 1 - 2 markah

- M1 : Melahirkan taat setia
  - M2: Rakyat mempunyai hak
  - M3: Bersuara/berpolitik/berpersatuhan
  - M4: Mengelakkan kestabilan politik
  - M5: Mengukuhkan perpaduan antara kaum

**BAB 4 SISTEM PERSEKUTUAN**
**K1: Soalan Objektif**

**Arahan:** Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

**4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita**

1. Kesatuan Malaya (Malayan Union) telah diperkenalkan oleh British pada tahun 1946. Mengapakah Malayan Union gagal diteruskan? (Buku teks m.s. 67)
  - A. Mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu
  - B. Penstruktur semula Majlis Malayan Union
  - C. Untuk melicinkan pentadbiran negara
  - D. Mengukuhkan institusi beraja
2. Mengapakah Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927 ditubuhkan? (Buku teks m.s. 67)
  - A. Menyatukan beberapa buah negeri
  - B. Membentuk sistem pengasingan kuasa
  - C. Memperkemas tadbir urus Persekutuan
  - D. Penetapan sempadan antara negeri

**4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**

3. Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan peringkat ketiga yang diberi kuasa untuk mentadbir dalam kawasan tempatan. Apakah peranan Kerajaan Tempatan? (Buku teks m.s. 71)
  - A. Perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat
  - B. Membentuk pentadbiran peringkat bandar
  - C. Menjaga kebajikan penduduk pedalaman
  - D. Membantu penduduk dalam bencana alam
4. Mengapakah peruntukan kuasa yang lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan? (Buku teks m.s. 68)
  - I. menjamin kestabilan negara
  - II. memastikan kemajuan negara tercapai
  - III. mengukuhkan perpaduan
  - IV. membina konsep negara bangsa
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

5. Apakah kuasa tambahan yang diberikan kepada Sarawak dan Sabah dalam persekutuan Malaysia? (Buku Teks m.s. 70)

- A. Hak kewarganegaraan
- B. Mahkamah Anak Negeri
- C. Hak kebebasan bersuara
- D. Akta Bahasa Kebangsaan.

**4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri**

6. Kejayaan FELDA telah mendorong kerajaan untuk menubuhkan FELCRA dalam usaha memajukan sosioekonomi di Tanah Melayu pada tahun 1966. Apakah bidang yang ingin dibangunkan? (Buku teks m.s. 72)
  - A. Pembangunan tanah
  - B. Pembangunan Kewangan
  - C. Pembangunan perniagaan
  - D. Pembangunan perindustrian
7. Malaysia sangat terkenal dengan kekayaan flora dan fauna. Apakah persamaan taman negara di bawah (Buku teks m.s. 74)
  - Taman Negara Kinabalu
  - Taman Negara Mulu
  - A. Petempatan awal manusia
  - B. Kaya dengan hasil hutan
  - C. Tapak warisan dunia
  - D. Pusat pelancongan

8. Senarai berikut berkaitan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri untuk kesejahteraan rakyat. (Buku teks m.s. 77)

- Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA)
- Rumah Mesra Rakyat
- Rumah Selangorku (Selangor)
- Rumah Mampu Milik Johor (Johor)

Mengapakah kerjasama tersebut dilakukan?

- A. Mengatasi masalah setinggan di bandar
- B. Meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar
- C. Membantu golongan pertengahan memiliki kediaman
- D. Menyelesaikan masalah perumahan golongan miskin


#### 4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

9. Apakah elemen yang mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita. (Buku teks m.s.80 )
- A. Amalan demokrasi
  - B. Kebijaksanaan pemerintah
  - C. Undang-undang yang ketat
  - D. Keluhuran perlembagaan dijunjung
10. Apakah majlis yang ditubuhkan untuk mengukuhkan sistem Persekutuan? (Buku teks m.s. 81)
- A. Majlis persekutuan
  - B. Majlis negara
  - C. Majlis negeri
  - D. Majlis daerah

#### **4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita**

1. Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.

- (a) Rajah di bawah menunjukkan kronologi pembentukan sistem Persekutuan di Malaysia.



Apakah X dan Y?

X:

Y: ..... [2 markah]

- (b) Jelaskan sejarah pembentukan konfederasi Negeri Sembilan 1895.

- (c) Pentadbiran Malaysia disusun secara sistematik melalui pengamalan Sistem Persekutuan. Mengapakah pentadbiran yang sistematik ini penting kepada negara kita?

**Skema Soalan 1 (Buku teks m.s. 67)**

- (a) F1: Malayan Union  
F2: Persekutuan Tanah Melayu 1957

(b) F1: Pada tahun 1889, Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan sebagai Konfederasi Seri Menanti dan bersetuju menerima seorang Residen British  
F2: Pada tahun 1895, satu perjanjian ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tunku Besar Tampin untuk menubuhkan sebuah konfederasi yang lebih besar dikenali sebagai Negeri Sembilan  
F3: Mereka juga bersetuju menerima Residen British bagi membantu pentadbiran konfederasi tersebut  
F4: Yamtuan Besar Seri Menanti, Tuanku Muhammad ibni Tuanku Antah kemudian dilantik sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang pertama pada tahun 1898.  
F5: Martin Lister pula dilantik sebagai Residen yang pertama di Negeri Sembilan.

(c) M1: Melicinkan pentadbiran  
M2: Mewujudkan kestabilan politik  
M3: memajukan ekonomi  
M4: Mengkalkan ekonomi  
M5: kepentingan rakyat dapat dilindungi  
(Mana-mana iawapan munasabah)

Ruang Catatan

#### **4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**

2. Pengurusan taman negara di Sarawak terletak di bawah pengurusan Perbadanan Perhutanan Sarawak manakala taman negara di Sabah terletak di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah.

- (a) Namakan dua taman laut di bawah pengurusan Taman-Taman Sabah.

(i) .....  
(ii) ..... [2 markah]

(b) Bagaimanakah pengurusan taman laut dijalankan di negara kita?

(c) Apakah kepentingan usaha pemuliharaan flora dan fauna negara kita?

.....  
.....  
.....

## **Skema Soalan 2 (Buku teks m.s. 74 - 75)**

- (a) F1: Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu  
F2: Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu  
F3: Taman Pulau-Pulau Penyu, Sandakan  
F4: Taman Marin Tun Sakaran, Semporna  
F5: Taman Pulau Sipadan, Semporna  
F6: Taman Tun Mustapha, Kudat

(b) F1: diwartakan sebagai taman laut sejak tahun 1994  
F2: membentuk dasar berkaitan dengan taman laut  
H2a: Kerajaan Negeri berkuasa terhadap pembangunan pulau  
F3: Penyelarasan pentadbiran taman laut  
F4: Rizab Laut  
H4a: yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri  
F5: Jabatan Taman Laut Malaysia  
H5a: ditubuhkan pada tahun 2007  
H5b: sebagai agensi Kerajaan Persekutuan  
H5c: yang bertanggungjawab secara keseluruhan dalam dasar pengurusan taman laut di Malaysia

(c) M1: Generasi akan datang akan dapat menikmati kekayaan warisan biodiversiti negara  
M2: Mengelakkan hidupan laut daripada pupus  
M3: Hidupan laut menjadi sumber pendapatan negara  
M4: Mempergiatkan industri pelancongan  
M5: Tanggungjawab memelihara hasil ciptaan Tuhan  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

Ruangan Catatan

#### **4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**

3. Keselamatan dan pertahanan negara adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Pada umumnya, keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) manakala pertahanan negara di bawah Kementerian Pertahanan (KEMENTAH).

- (a) Apakah strategi kerajaan untuk memulihkan dan mengekalkan keamanan negara kita?

[2 markah]

[2 markah]

- (b) • RASCOM  
• ESSCOM

Mengapakah kerajaan mengisytiharkan penubuhan dua organisasi keselamatan di atas?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

- (c) Bagaimakah penduduk kawasan terlibat dapat membantu agensi keselamatan negara?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

**Skema Soalan 3 (Buku teks m.s. 78 – 79 )**

(a) F1: Kerajaan Persekutuan mengadakan kerjasama erat dengan Kerajaan Negeri  
F2: Memastikan keselamatan rakyat H1b: dan kedaulatan negara terpelihara C1a: seperti mewujudkan kawasan keselamatan khas di Sarawak dan Sabah

(b) **RASCOM**  
F1: ancaman komunis yang semakin meningkat di Sarawak  
F2: memulihkan serta mengekalkan keselamatan dan keamanan di bahagian tengah Sarawak  
F3: Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang pada 26 Mac 1972  
F4: Ketua Menteri Sarawak sebagai Pengarah Operasi Negeri

**ESSCOM**  
F1: Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah akibat pencerobohan penganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12 Februari 2013  
F2: Misi ESSCOM untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan  
F3: ESSCOM bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE) atau Zon Keselamatan Timur Sabah

(c) M1: Tidak bersubahat dengan mana-mana kuasa luar untuk melakukan pencerobohan  
M2: Sentiasa mengeratkan perpaduan  
M3: Menyokong dasar-dasar kerajaan  
M4: Menguatkan semangat jati diri dan patriotisme  
M5: Mengutamakan kestabilan negara (*Manapun jawapan munasabah*)

## Ruangan Catatan

#### **4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**

4. Malaysia merupakan sebuah Kerajaan Persekutuan yang mempraktikkan konsep pembahagian kuasa yang sistematis dan berkesan. (Buku teks m.s. 68 – 71)

- (a) Bagaimanakah pembahagian kuasa dalam pentadbiran kerajaan Malaysia dilakukan ? [6 markah]

- |      |  |      |  |
|------|--|------|--|
| F1:  | Dibahagikan kepada tiga peringkat                            | F3:  | Peruntukan kuasa lebih besar                         |
| H1a: | Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan  | H3a: | Diberikan kepada Kerajaan Persekutuan                |
| F2:  | Peruntukan kuasa setiap kerajaan telah ditetapkan            | H3b: | Mewujudkan Kerajaan persekutuan yang kuat            |
| H2a: | Bertujuan melicinkan perjalanan sistem persekutuan           | H3c: | Bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara         |
| H2b: | Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan | F4   | Tiada peruntukan kuasa khusus                        |
|      |  | H4a: | Kepada kerajaan tempatan                             |
|      |  | H4b: | Sebaliknya diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri |

- (b) Sejauh manakah sumbangan kerajaan Tempatan terhadap penduduk setempat? [6 markah]

- |      |   |      |  |
|------|---|------|--|
| F1:  | Kerajaan peringkat ketiga                                   | C2c: | kemudahan awam   |
| H1a: | Diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab | H2c: | oleh Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah |
| H1b: | Dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil           | F3:  | mengeluarkan lesen /kawalan penjaja                      |
| F2:  | Menjadi perantara   | F4:  | membangunkan perumahan awam                              |
| H2a: | Antara kerajaan negeri dan rakyat                           | F5:  | rumah PBT  |
| H2b: | Menyediakan perkhidmatan kepada penduduk tempatan           | F6:  | kemudahan sukan dan kebudayaan                           |
| C2a: | pembersihan   | F7   | pasukan bantuan penyelamat                               |
| C2b: | kecemasan   |      |  |

- (c) Pembahagian kuasa yang sistematik dalam sistem Persekutuan telah membantu Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan aman. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [8 markah]

F1:	Meningkatkan kecekapan pentadbiran	F4:	Mengelakkan perbalahan etnik
H1a:	Setiap peringkat kerajaan mempunyai peranan masing-masing	F5:	Memelihara kesucian agama Islam
F2:	Mengekalkan kuasa Raja-raja Melayu/kedaulatan negara	F6:	Memelihara hak bumiputera
F3:	Memelihara keharmonian antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri	F7:	Mengurangkan beban kerajaan pusat
H3a:	Mengekalkan kedaulatan negeri	F8:	Mengekalkan pemusatan kuasa
H3b:	Memelihara hak negeri	F9:	Menyatupadukan wilayah yang berasingan
		F10:	Mengimbangi kuasa kerajaan persekutuan dan pusat
		F11:	Mencegah penyelewengan kuasa

#### 4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

5. Keberkesanan sistem Persekutuan di negara kita sangat berkait rapat dengan Keluhuran Perlembagaan dan penyelarasan yang baik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. (Buku teks m.s. 80-81)

(a) Bagaimanakah keluhuran perlembagaan dapat mengukuhkan sistem Persekutuan ? [4 markah]

- |      |  |      |  |
|------|--|------|--|
| F1:  | Mengangkat Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi                                      | F4:  | Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan utama apabila berlaku ketidak selaras antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri                    |
| H1a: | Bagi mentakrifkan prinsip Persekutuan dan pentadbiran Negara   | H4a: |  |
| F2:  | Undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan | F5   |  |
| F3:  | Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah antara satu sama lain               | H5a  | mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri |
|      |  | F6   | Prinsip keluhuran Perlembagaan yang dijunjung ini mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita  |

---

---

---

---

---

---

---

(b) Jelaskan penyelarasan pentadbiran yang dibuat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. [8 markah]

- |      |  |  |  |
|------|--|--|--|
| F1:  | Mesyuarat menteri Besar dan ketua Menteri dan Majlis khas                | F3:                                      | Majlis Kewangan Negara   |
| H1a: | Dipengerusikan oleh Perdana Menteri                                      | H3a:                                     | Mentadbir hal ehwal kewangan                                       |
| H1b: | Dihadiri oleh menteri Besar dan ketua Menteri                            | C3a:                                     | Pemberian wang, bayaran cukai dan pinjaman                         |
| H1c: | Membincangkan dasar yang diputuskan oleh kerajaan                        | Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri |  |
| F2:  | Penubuhan Majlis Negara  | F4:                                      | Majlis Tanah Negara  |
| H2a: | Untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri | H4a:                                     | Membentuk dasar dan mengawal penggunaan tanah                      |
|      |  | C4a:                                     | Contohnya untuk pertanian, perlombongan, perhutanan dan sebagainya |

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---



**BAB 5 PEMBENTUKAN MALAYSIA**
**K1: Soalan Objektif**

**Arahan:** Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

**5.1 Konsep Gagasan Malaysia****5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia**

1. Kedua-dua tokoh berikut telah mencadangkan agar pembentukan Malaysia disegerakan.

- Sir Gerald Templer
- Sir Geofroy Tory

Apakah persamaan kedua-dua tokoh tersebut?  
(Buku teks m.s. 91)

- A. Menjadi Pesuruhjaya Tinggi British  
B. Menjadi ahli Dewan Parlimen British  
C. Menjadi ahli Suruhanjaya Cobbold  
D. Menjadi ahli perwakilan Komanwel

2. Sarawak berhadapan dengan ancaman komunis melalui gerakan Clandestine Communist Organization (CCO).

Apakah kesan daripada situasi tersebut? (Buku teks m.s. 93)

- A. Sarawak diancam kumpulan radikal  
B. Sarawak menyertai pembentukan Malaysia  
C. Pilihan raya di Sarawak disegerakan  
D. Pembangunan di Sarawak terjejas

3. Mengapakah tokoh berikut pada awalnya menolak penyertaan Singapura dalam Rancangan Pembentukan Malaysia? (Buku teks m.s. 93)



- A. Isu bahasa kebangsaan  
B. Isu pembangunan wilayah  
C. Isu keseimbangan komposisi penduduk  
D. Isu mempercepat kemerdekaan

**5.3 Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia**

4. Pemimpin dan penduduk Sabah terkejut dengan cadangan pembentukan Malaysia.  
Mengapakah perkara tersebut berlaku? (Buku teks m.s. 96)
- A. Ingin kemerdekaan terlebih dahulu
  - B. Ingin kemerdekaan secara berasingan
  - C. Menganggap sumber kekayaan negeri dirampas
  - D. Menganggap Malaysia sebagai penjajahan baru
5. Presiden Macapagal dari Filipina menentang pembentukan Malaysia.  
Mengapakah beliau bertindak demikian? (Buku teks m.s. 97)
- A. Menuntut wilayah Sabah
  - B. Menerima hasutan komunis
  - C. Mengancam ekonomi Filipina
  - D. Mengancam keselamatan Asia Tenggara

**5.4 Langkah Pembentukan Malaysia**

6. Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) telah ditubuhkan di Singapura pada 23 Julai 1961.

Apakah kepentingan penubuhan jawatankuasa tersebut? (Buku teks m.s. 6)

- I. Menjelaskan gambaran sebenar pembentukan Malaysia
- II. Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia
- III. Menyebarkan maklumat berkaitan pembentukan Malaysia
- IV. Menyediakan laporan berhubung pembentukan Malaysia

- |             |               |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

7. Referendum Singapura yang diadakan pada Ogos 1962 hingga September 1962 merupakan rundingan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura.  
Apakah kesan daripada Referendum tersebut? (Buku teks m.s. 101)
- A. Kehidupan berpuak-puak  
B. Kerosotan sistem ekonomi  
C. Mengamalkan sistem tukar barang  
D. Tidak mempunyai ilmu pengetahuan
- 5.5 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia**
8. Mengapa tarikh pengisytiharan Malaysia ditangguhkan dari 31 Ogos 1963 kepada 16 September 1963? (Buku teks m.s. 104)
- A. Singapura mengumumkan pemisahan  
B. Kelewatan laporan Setiausaha PBB  
C. Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dibubarkan  
D. Tindakan ketenteraan dari Indonesia
- 5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani**
9. Berikut adalah peristiwa yang dilakukan oleh Indonesia terhadap Malaysia pada tahun 1963 dan 1964.
- Melancarkan serangan gerila di Sarawak
  - Pendaratan gerila di Johor
- Mengapa peristiwa tersebut berlaku?  
(Buku teks m.s. 106)
- A. Dasar dekolonisasi Presiden Soekarno  
B. Dasar konfrontasi terhadap Malaysia  
C. Kegagalan rundingan di Manila  
D. Kegagalan rundingan di Tokyo
10. Dialog berikut mungkin berlaku ketika Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia.
- Pemimpin Malaysia 1 : Kita mesti menghantar Dr Ismail Abdul Rahman ke Majlis Keselamatan PBB untuk membawa isu serangan Indonesia ini.
- Pemimpin Malaysia 2 : Ya. Itulah tindakan yang sepatutnya.

Apakah pendekatan yang digunakan oleh Malaysia dalam menangani hal tersebut?  
(Buku teks m.s. 107)

- A. Cara provokasi  
B. Cara peperangan  
C. Cara kekerasan  
D. Cara diplomatik

#### **5.4 Langkah-Langkah Pembentukan Malaysia**

1. Suruhanjaya Cobbold merupakan suruhanjaya yang ditubuhkan pada Januari 1962. Suruhanjaya ini mengandungi wakil yang dilantik oleh Kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu.

- (a) Senaraikan **tiga** ahli Suruhanjaya tersebut.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

- (b) Apakah hasil Laporan Suruhanjaya tersebut kepada kerajaan British?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (c) Mengapakah Suruhjaya tersebut penting dalam pembentukan Malaysia?

Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.

---

---

---

---

---

[4 markah]

## **Skema Soalan 1 (Buku teks m.s. 100)**

- (a) F1: Lord Cobbold  
F2: Muhammad Ghazali Shafie  
F3: Wong Pow Nee  
F4: Sir David Watherston  
F5: Sir Anthony Abell

- (b)

  - F1: Dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia
  - F2: Mengesyorkan agar Perlembagaan PTM 1957 dijadikan asas perlembagaan Persekutuan yang baharu
  - F3: Mencadangkan kuasa autonomi kepada Sarawak dan Sabah
  - F4: Sarawak dan Sabah diberikan jaminan khas
  - F5: Kerajaan Persekutuan tidak boleh pindah / batalkan tanpa mendapat persetujuan Kerajaan Negeri berkenaan

- (c) M1: Memberikan peluang kepada penduduk menyatakan pandangan  
M2: Persatuan Sarawak dan Sabah dapat mengemukakan maklum balas

M3: Menjamin hak dan kepentingan Sarawak dan Sabah diberikan perhatian

M4: Kuasa autonomi dalam dasar imigresen/ kedudukan bumipute Sarawak dan Sabah

M5: Cadangan Suruhanjaya Cobbold diperincikan dalam Jawatankuasa

Antara Kerajaan (JAK)  
M6: Laporan Suruhanjaya

mengesahkan majoriti penduduk menyokong pembentukan Malaysia  
M7: Perjanjian Malaysia 1963 memasukkan usul Suruhanjaya

## Cobbolt (Mana-mana jawapan munasabah)

---

## Ruangan Catatan

## **5.5 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia**

2. Perjanjian Julai 1963 juga dikenali sebagai Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA 63) merupakan sebuah dokumen yang ditandatangani oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura. Perjanjian ini ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London.

(a) Senaraikan **tiga** isi perjanjian tersebut.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

(b) Jelaskan peristiwa Pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963.

(c) "Inti pati Perjanjian Malaysia menjamin hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah"

Beri komen anda tentang pernyataan tersebut.  
Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.

.....  
.....

**Skema Soalan 2 (Buku teks m.s. 103 - 105)**

- (a) F1: Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963
  - F2: Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu
  - F3: Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia
  - F4: Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri
  - F5: Memperuntukkan tempoh masa peralihan dalam perkara tertentu
  - F6: Dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan kepada Sarawak dan Sabah
  - F7: Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah 16 kerusi
  - F8: Penduduk bumiputra di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam perlombaan Persekutuan

- (b) F1: Kuala Lumpur  
H1a: dibacakan oleh Yang di-Pertuan Agong  
H1b: di Stadium Merdeka  
H1c: disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman

- F2: Sarawak  
H2a: dibacakan oleh Khir Johari wakil Kerajaan Persekutuan  
H2b: di Kuching Sarawak  
H2c: dihadiri oleh anggota kabinet negeri

- F3: **Sabah**  
H3a: diumumkan oleh Datu Mustapha Datu Harun  
H3b: Tun Abdul Razak Hussein mewakili Keraian Persekutuan

- (c) M1: British mengiktirafkan kedaulatan Sarawak dan Sabah.  
M2: Wakil rakyat Sabah dan Sarawak menyertai Parlimen Persekutuan.  
M3: Keistimewaan bumiputera Sarawak dan Sabah dijamin.  
M4: Mendapat kuasa autonomi.  
M5: Mendapat pengecualian penggunaan bahasa dan agama rasmi.  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

Ruangan Catatan

---

---

---

---

[4 markah]

[4 markah]

## **5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani**

3. Konfrontasi memberikan pengalaman kepada negara kita untuk mengurus krisis pada peringkat serantau dan antarabangsa. Kerajaan Malaysia berjaya mengelakkan masalah tersebut menjadi konflik yang lebih besar.

- (a) Nyatakan **dua** sebab Indonesia melancarkan Dasar Konfrontasi terhadap Malaysia.

(i) .....

(ii) .....

- (b) Jelaskan tindakan yang dilakukan oleh Indonesia pada masa tersebut (Dasar Konfrontasi).

- (c) Malaysia berjaya menangani isu konfrontasi dengan mengambil beberapa langkah bijak.  
Berikan alasan anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

Berikan alasan anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

---

---

---

---

Skema Soalan 3 (Buku teks m.s. 106 – 109)

- (a) F1: Mengancam kedudukan Indonesia  
F2: Penerusan dasar neokolonialisme oleh kerajaan British  
F3: PKI berjaya mempengaruhi Presiden Soekarno

(b) F1: Melancarkan slogan "Ganyang Malaysia"  
F2: Memutuskan hubungan diplomatik  
F3: memanggil balik dutanya  
F4: Mengambil Tindakan ketenteraan  
F5: melancarkan serangan gerila di Sarawak  
F6: pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak  
F7: Berbalas tembakan dengan tentera Malaysia di Kalabakan, Sabah  
F8: pendaratan 30 orang tentera di Labis, Johor  
F9: Memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia

(c) M1: Membawa isu tersebut ke Majlis Keselamatan PBB  
M2: Dr. Ismail Abdul Rahman membentangkan aduan.  
M3: Memberi tanggungjawab kepada Kementerian Luar negeri.  
M4: mematahkan kempen propaganda  
M5: Mengadakan rundingan (pemimpin/peringkat pegawai)  
M6: Menerima undangan Presiden Soekarno  
M7: Menghadiri Mesyuarat Menteri Luar  
M8: Misi Pertubuhan PBB (United Nations Malaysia Mission/UNMM)  
M9: Mengadakan lawatan ke beberapa negara Afrika  
M10: Menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung PBB  
M11: Meminta bantuan tentera Komanwel dari Britain, Australia, New Zealand dan Kanada  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

Ruanan Catatan

[4 markah]

### **5.3 Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia**

4. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengumumkan pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961. Pembentukan Malaysia mendapat reaksi daripada pelbagai pihak. Terdapat pihak yang menerima baik cadangan pembentukan dan ada juga pihak yang menentang.. (Buku teks m.s. 95 – 97)

- (a) Jelaskan reaksi positif terhadap idea pembentukan Malaysia di wilayah berikut :

- (i) Persekutuan Tanah Melayu
  - (ii) Singapura

## **Persekutuan Tanah Melayu**

- F1: Mendapat sambutan baik daripada penduduk / parti politik PTM

H1a: Walaupun wujud perbezaan pendapat dalam melaksanakannya

F2: Tunku Abdul Rahman mendapat sokongan UMNO

## Singapura

- F3: Lee Kuan Yew / PAP menyambut baik rancangan ini  
F4: Golongan pedagang / pengusaha industri menyokong  
H4a: Dapat membuka pasaran yang lebih besar kepada  
industri mereka  
F5: Parti Buruh Singapura bersetuju  
H5a Cuma beranggapan sukar untuk dilaksanakan

.....  
.....  
.....  
.....

- (b) Mengapakah parti-parti politik tempatan dan pemimpin wilayah berikut menentang cadangan Tunku Abdul Rahman?

- (i) Sabah
  - (ii) Brunei

## Sabah

- F1: Keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan secara berasingan

H1a: Pimpinan Sabah mahu membentuk sebuah Kesatuan Negeri-negeri Borneo yang merdeka

F2: Penduduk beranggapan Tanah Melayu terasing sama seperti Indonesia dan Filipina

H2a: Mereka mempersoalkan keadaan pemimpin tempatan yang perlu menyesuaikan diri

F3: Sistem pilihan raya / konsep berkerajaan sendiri sudah lama diamalkan di Tanah Melayu / Singapura

F4: Jarak antara Sarawak / Sabah dengan Kuala Lumpur yang jauh dan boleh menimbulkan masalah

Brunei

- F5: Idea penggabungan kesatuan baru

F6: A.M. Azhari pemimpin Parti Rakyat Brunei

H6a: Mahu menggabungkan Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara

F7: Berpendapat British mahu mengekalkan pengaruh

H7a: Mahu menguasai sumber ekonomi

H7b: Bimbang Brunei akan kehilangan sebahagian besar kekayaan negeri

---

---

---

---

- (c) Pembentukan Malaysia 1963 telah menyebabkan keadaan Malaysia pada masa kini lebih stabil dari segi ekonomi dan sosialnya.  
Bagaimanakah pembentukan Malaysia memberikan kebaikan kepada semua wilayah yang menjadi anggotanya? [8 m]

<b>F1</b>	<b>Dapat memacu pembangunan fizikal</b>	<b>F2</b>	<b>Memantapkan sumber kewangan Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri</b>
H1a	Melaksanakan projek pembangunan / memajukan prasarana	H1a	Sumber asli / galian di Sabah dan Sarawak mengukuhkan ekonomi Malaysia
H1b	Terutama di Sarawak / Sabah yang kurang membangun	H1b	Pembalakan / gas / petroleum
H1c	Persediaan sistem jalan raya / kemudahan kesihatan / pendidikan	C	Pembangunan industri minyak dan gas
C1	Pembinaan Lebuh raya Pan-Borneo	H1c	Sabah dan Sarawak mendapat manfaat royalti minyak
Hc	Menghubungkan Sarawak, Brunei dan Sabah	H1d	Digunakan untuk melancarkan pentadbiran negeri
H1d	Menerima peruntukan kewangan terbesar dalam belanjawan 2021	H1e	Menggalakkan pelaburan luar ke negeri-negeri tersebut
H1e	Sabah menerima 5.1 Billion / Sarawak 4.5 billion	Inf	Perolehan sumber ekonomi / kekayaan disalurkan untuk kepentingan Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri
Inf	Membuktikan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membantu meningkatkan taraf hidup penduduk pelbagai wilayah dalam Malaysia		

(Mana-mana jawapan munasabah)

## 5.4 Langkah-langkah Pembentukan Malaysia

5. Usul pembentukan Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961 dan mendapat sokongan majoriti ahli Dewan. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menggerakkan pelbagai cara untuk merealisasikan pembentukan Malaysia. (Buku teks m.s. 18 – 103)

- (a) Bagaimanakah langkah-langkah pembentukan Malaysia tersebut dilaksanakan? [4 markah]

F1	<b>Mengadakan Siri Lawatan</b>	F3	<b>Rundingan London</b>
H1a	Tunku Abdul Rahman melawat Sarawak dan Brunei	H3a	November 1961, rundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan British di London
H1b	Menerangkan rancangan pembentukan Malaysia	H3b	Bersetuju menubuhkan suruhanjaya bebas
H1c	Pemimpin Sarawak / Sabah melawat PTM	H3c	Bagi meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah
H1d	Meninjau kemajuan di PTM		
H1e	Rombongan Dr Burhanuddin al Helmi / Ghafar Baba ke Sarawak dan Sabah	F4	<b>Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)</b>
H1f	Untuk menjelaskan gambaran sebenar rancangan Malaysia	H4a	Diwakili oleh kerajaan British, PTM, Sarawak dan Sabah
F2	<b>Referendum di Singapura</b>	H4b	Mengusulkan 8 perkara bagi Sarawak
H2a	Menentukan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia	H4c	Mengusulkan 20 perkara bagi Sabah
H2b	Menyatakan persetujuan Singapura menyertai Malaysia	H4d	Segala perkara tersebut dimasukkan dalam Perlembagaan Malaysia 1963

---



---



---



---

- (b) Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JKSM) yang ditubuhkan pada 23 Julai 1961 di Singapura dan Suruhanjaya Cobbold yang dibentuk pada Januari 1962 memainkan peranan yang sangat bermakna dalam pembentukan Malaysia.

Huraikan sumbangan kedua-dua badan ini dalam merealisasikan pembentukan Malaysia pada 1963.

[8 markah]

<b>Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia</b>		<b>Suruhanjaya Cobbold</b>	
F1	Memberi keyakinan kepada semua penduduk di PTM/ Singapura/ Sabah/ Sarawak bagi pembentukan Malaysia	F6	Meninjau pendapat rakyat di Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia
H1a		F7	Membuat penilaian tentang pendapat rakyat Sarawak dan Sabah
F2	Membuka ruang perbincangan antara pemimpin dengan pemimpin dan	F8	Mengemukakan cadangan kepada kerajaan British
H2a	antara pemimpin dengan rakyat	H8a	Perlembagaan Malaysia yang baru harus berdasarkan Perlembagaan PTM
H2b		H8b	Sarawak dan Sabah diberi kuasa menentukan dasar imigresennya sendiri
F3	Menyebarluaskan maklumat tentang gagasan Malaysia	H8c	Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan
F4	Mengumpulkan pandangan rakyat/ penduduk	H8d	Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah
F5	Melakukan aktiviti penghebohan berkaitan dengan gagasan Malaysia	H8e	Pemberian nama Malaysia
H5a	Menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia		

---



---



---



---

(c) Amalan muafakat merupakan satu kaedah penting dalam menjayakan sesuatu misi.

Sejauh manakah amalan tersebut dapat memantapkan pembinaan negara bangsa Malaysia ?

[8 markah]

- Penskoran berdasarkan holistik / rubrik
  - Aras 4 = 7 – 8 markah
  - Aras 3 = 5 - 6 markah
  - Aras 2 = 3 - 4 markah
  - Aras 1 = 1 - 2 markah

- Mengekalkan kedaulatan negara
- Mengelakkan pergaduhan / permusuhan
- Mewujudkan keamanan / kedamaian
- Sebarang masalah diselesaikan secara harmoni
- Mewujudkan semangat perpaduan dan persefahaman
- Sikap bertoleransi/ bertolak ansur menyelesaikan masalah
- Mewujudkan situasi menang-menang
- Pembangunan negara dapat dipacu
- Mampu bersaing di persada dunia
- Imej negara meningkat

(Mana-mana jawapan munasabah)

## BAB 6 CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

### K1: Soalan Objektif

Arahan: Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

#### 6.1 Cabaran Dalaman Malaysia

- Negara menghadapi cabaran bagi menyeimbangkan pembangunan dan ekonomi di Sarawak dan Sabah.

Apakah cabaran yang dihadapi dalam memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di kedua-dua negeri tersebut? (Buku teks m.s. 117)

- A. Saiz negeri besar
- B. Pengamalan pertanian pindah
- C. Iklim tidak menentu
- D. Galakan pertanian komersial

- Pada September 1966, darurat diisytiharkan di Sarawak.

Mengapakah darurat diisytiharkan di negeri tersebut? (Buku teks m.s. 118)

- A. Krisis perpaduan kaum
- B. Krisis ancaman komunis
- C. Krisis kepimpinan Ketua Menteri
- D. Krisis pembangunan ekonomi

#### 6.2 Pemisahan Singapura

- Pada 9 Ogos 1965, Parlimen Malaysia meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura.

Apakah faktor pemisahan tersebut? (Buku teks m.s. 119)

- I. Konflik pemimpin PAP dengan Perikatan
- II. Ketidakpuasan terhadap cukai tambahan
- III. Ketidakpedulian terhadap pembangunan
- IV. Konflik kepimpinan dalam PAP

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

- Berikut ialah kenyataan yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman dalam akhbar Berita Harian, 10 Ogos 1965.

Singapura dulu menurut Perjanjian Malaysia berjanji hendak memberi pinjaman \$150,000.00 kepada Kerajaan pusat untuk pembangunan ekonomi Sabah dan Sarawak. Sebahagian dari pinjaman itu tidak dikenakan bunga tetapi pinjaman ini pun tidak diberikan. Singapura kemudian bertageh pula atas wang bunga pinjaman lain.

Apakah implikasi daripada sikap Singapura tersebut? (Buku teks m.s. 119)

- A. Singapura tidak memberi pinjaman
- B. Singapura membuat undi tidak percaya
- C. Singapura berpisah daripada Malaysia
- D. Singapura mencetuskan konfrontasi

#### 6.3 Menangani Ancaman Komunis

- Kerajaan menggunakan kaedah sama yang diguna pakai dalam Rancangan Briggs untuk dilaksanakan di Sarawak.

Apakah nama rancangan tersebut? (Buku teks m.s. 122)

- A. Operasi RASCOM
- B. Operasi Hammer
- C. Operasi Jala Raja
- D. Operasi Harapan

- Pada 26 Ogos 1975, PKM telah meletupkan Tugu Negara di Kuala Lumpur.

Apakah tindakan yang diambil oleh pasukan keselamatan negara bagi menangani perkara tersebut? (Buku teks m.s. 6)

- A. Mengadakan rundingan Baling
- B. Perjanjian Kerjasama Sempadan
- C. Mengharamkan pertubuhan radikal
- D. Memperkuat perkhidmatan perisikan

#### **6.4 Isu pembangunan dan Ekonomi**

7. Satu daripada isu yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk ialah terlalu bergantung kepada eksport getah dan bijih timah.

Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi isu tersebut? (Buku teks m.s. 127)

- A. Menggalakkan industri kecil dan sederhana
- B. Menggalakkan tanaman kelapa sawit
- C. Menggalakkan penggunaan teknologi moden
- D. Menggalakkan pertanian komersial

8. Pada tahun 1970-an, kerajaan juga berhadapan dengan isu kadar pengangguran yang meningkat.

Bagaimakah kerajaan mengatasi isu tersebut? (Buku teks m.s. 128)

- A. Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal
- B. Menggiatkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara
- C. Menawarkan pekerjaan dalam perkhidmatan awam
- D. Mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing

#### **6.5 Tragedi Hubungan antara Kaum**

9. Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan pilihan Raya Umum Ketiga.

Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?

(Buku teks m.s. 129)

- A. Perlembagaan digantung
- B. Kempen Malaysian Malaysia
- C. Ketidakseimbangan ekonomi
- D. Kegagalan MAGERAN

10. Rusuhan kaum dapat dihentikan melalui usaha yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa dan kerjasama yang diberikan oleh rakyat.

Apakah usaha yang dilakukan oleh pemimpin masyarakat dan pemimpin politik negeri Perak dalam perkara tersebut? (Buku teks m.s. 131)

- A. Meminta rakyat mematuhi undang-undang
- B. Menganjurkan demonstrasi aman
- C. Membentuk pasukan Home Guard
- D. Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah

### **6.1 Cabaran Dalaman Malaysia**

1. Negara Malaysia menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukannya.

- (a) Senaraikan **tiga** cabaran dalaman yang dihadapi ketika itu.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

- (b) Jelaskan peristiwa krisis perlembagaan yang berlaku di Sarawak pada Jun 1966.

[3 markah]

- (c) Integrasi nasional di Malaysia perlu diperkuuh dan dipertahankan. Jelaskan faedah yang diperoleh daripada integrasi nasional tersebut.

---

---

---

---

---

[4 markah]

Skema Soalan 1 (Buku teks m.s. 116 - 118)

- (a) F1: pembangunan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah  
F2: mempelbagaikan kegiatan ekonomi  
F3: Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan  
F4: Memajukan sistem pendidikan  
F5: cabaran politik di Sarawak / krisis perlembagaan Jun 1966  
F6: Isu perpaduan kaum  
F7: Integrasi nasional antara wilayah

(b) F1: ahli Council Negeri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan  
F2: Stephen Kalong dipecat oleh Gabenor pada bulan Jun 1966  
F3: Stephen Kalong mencabar tindakan tersebut di Mahkamah Tinggi Sarawak  
F4: Stephen Kalong memenangai kes itu dan jadi Ketua Menteri  
F5: Undi tidak percaya daripada Council Negeri  
F6: Berlaku ketidakstabilan yang mengancam keselamatan dan keamanan  
F7: Darurat diisyiharkan  
F8: Tawi Sli menjadi Ketua Menteri

(c) M1: Mempercepat pembentukan negara bangsa Malaysia  
M2: Memupuk perasaan muhibah  
M3: Menerima kepelbagaian budaya / adat sebagai satu kekuatan  
M4: Saling menghormati  
M5: Mengukuhkan perpaduan  
M6: Meningkatkan semangat cinta akan negara  
M7: Memastikan agihan ekonomi yang adil  
M8: Mewujudkan suasana negara yang aman  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

## Ruangan Catatan

## 6.2 Pemisahan Singapura

2. Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia. Masalah hubungan antara pemimpin Persekutuan dengan Singapura telah ada sebelum Singapura menyertai Malaysia.

- (a) Mengapakah pemisahan tersebut berlaku?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (b) Jelaskan rasional tindakan memisahkan Singapura daripada Malaysia.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (c) “Keharmonian hubungan antara sesebuah negara khususnya yang berjiran perlu dipelihara”

Beri komen anda tentang pernyataan tersebut.

Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

### Skema Soalan 2 (Buku teks m.s. 119 - 120)

- (a) F1: Lee Kuan Yew tidak puas hati dengan peranan Singapura yang terhad  
F2: Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan  
F3: Kempen Malaysian Malaysia  
F4: Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama  
F5: Singapura tidak puas hati dengan cadangan tambahan cukai  
F6: Singapura mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan  
F7: Berlaku rusuhan kaum di Singapura

- (b) F1: Menjaga kepentingan kedua-dua negara  
F2: Menjamin kemakmuran rakyat  
F3: Mengelakkan unsur kekerasan dalam menyelesaikan konflik  
F4: Mewujudkan sikap saling menghormati  
F5: Mengelakkan berlakunya rusuhan kaum  
F6: Menjamin keamanan negara  
F7: Menjamin keharmonian hidup pelbagai kaum di Malaysia  
(Mana-mana jawapan munasabah)

- (c) M1: Mengelakkan perperangan  
M2: Mengelakkan kerugian harta negara / kematian / kebuluran  
M3: Mewujudkan kestabilan serantau  
M4: Menyelamatkan negara dari ancaman / campur tangan kuasa asing  
M5: Mewujudkan kerjasama ekonomi antara negara  
M6: Mewujudkan kerjasama pertahanan antara negara  
M7: Mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara  
M8: Meningkatkan imej kedua-dua negara  
(Mana-mana jawapan munasabah)

### Ruang Catatan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

## 6.4 Isu Pembangunan dan Ekonomi

3. Kerajaan telah membentuk rancangan pembangunan lima tahun bagi memastikan usaha pembangunan dan ekonomi nasional dapat dilaksanakan di semua negeri. Untuk itu, kerajaan memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970).

- (a) Jelaskan tentang :  
(i) Isu pembangunan ekonomi yang dihadapi negara ketika itu.

[3 markah]

[3 markah]

- (ii) Usaha kerajaan untuk mengatasi isu tersebut.

[3 markah]

- (b) Mengapakah kerajaan memberi tumpuan utama terhadap usaha meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar dalam rancangan pembangunan lima tahun negara?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

**Skema Soalan 3 (Buku teks m.s. 126 – 128)**

(a) F1: Kurangnya penyediaan bantuan kewangan oleh institusi kewangan  
F2: Kebergantungan kepada eksport getah dan bijih timah  
F3: Kejatuhan harga bahan mentah  
F4: Penduduk masih ketinggalan dalam bidang pertanian  
F5: Petani berpendapatan rendah  
F6: Kurang mengusahakan pertanian komersial  
F7: Taraf hidup penduduk berbeza  
F8: Masalah kesihatan dan sosial  
F9: Kekurangan kemudahan perkhidmatan kesihatan  
F10: kadar kelahiran tidak normal  
F11: Kadar kematian tinggi  
F12: Peluang pekerjaan terhad  
F13: Kadar pengangguran meningkat

(b) F1: Mempelbagaikan kegiatan ekonomi  
F2: Mencari pasaran baharu  
F3: Menggalakkan tanaman kelapa sawit dan koko  
F4: Melancarkan program pembangunan negara  
F5: Menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan  
F6: Mempercepat integrasi penduduk dan negeri  
F7: Mendapatkan bantuan bank dunia  
F8: Mengurangkan kadar kelahiran  
F9: Memperkenalkan program perancangan keluarga  
F10: Menambah baik perkhidmatan kesihatan luar bandar  
F11: Menubuhkan pusat Latihan dan vokasional  
F12: Meluaskan peluang pekerjaan

(c) M1: Majoriti penduduk tinggal di luar bandar  
M2: Memajukan diri selari dengan pembangunan negara  
M3: Memastikan agihankekayaan negara adil  
M4: Penduduk menikmati hidup yang selesa  
M5: membuka peluang penduduk memajukan diri dan kelurga  
M6: Mengeluarkan diri dari belenggu kemiskinan  
M7: Merapatkan jurang sosioekonomi penduduk  
M8: Mengelakkan krisis / konflik  
M9: Menjamin kesejahteraan hidup semua lapisan penduduk

## Ruangan Catatan

### **6.3 Menangani Ancaman Komunis**

4. Gerakan komunis di Sarawak bermula sejak pendudukan Jepun oleh Clandestine Communist Organization (CCO). Bahagian Pertama dan Ketiga di Sarawak menjadi sasaran utama komunis. (Buku teks m.s. 121 – 123)

(a) Jelaskan tindakan komunis yang mengancam keselamatan di negeri tersebut. [4 markah]

- Jeduan dihadkan keramaian yang mengarau dan keseramatan di negeri tersebut. [1 markah]

F1: Melancarkan serangan bersenjata terhadap anggota pasukan keselamatan  
F2: Menyerap masuk ideologi komunis  
F3: Melakukan kegiatan sabotaj terhadap kemudahan awam

F4: Melakukan kegiatan serangan terhadap orang awam  
F5: Melancarkan kegiatan subversif  
F6: Menentang gagasan Malaysia  
F7: Menyerang kawasan Batu Kitang, Kuching

---

---

---

---

---

---

(b) Bagaimakah kerajaan melaksanakan gerakan perang saraf bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak?  
[8 markah]

- |      |  |      |   |
|------|--|------|---|
| F1:  | Mengadakan perhimpunan awam                  | F4:  | Tawaran program pengampunan                                       |
| H1a: | memberikan kesedaran tentang bahaya komunis  | H4a  | Anggota yang meninggalkan perjuangan / letak senjata / serah diri |
| F2:  | Menyebarluaskan risalah                      | F5:  | Pembangunan infrastruktur   |
| H2a  | Menyampaikan maklumat tentang bahaya komunis | H5a: | Menyediakan kemudahan perhubungan yang lebih baik kepada penduduk |
| H2b  | menanamkan kebencian terhadap komunis        |      |   |
| F3:  | Mengisyaitarkan kawasan putih                |      |   |
| H3a  | Kawasan bebas daripada ancaman komunis       |      |   |

- (c) Beberapa operasi ketenteraan seperti Operasi Hammer, Operasi Jala Raja, Operasi Ngayau dan Operasi Sri Aman, dilancarkan di Sarawak.  
Adakah wajar operasi ketenteraan sedemikian diteruskan? [8 markah]

<b>F1</b>	<b>Wajar</b>	<b>F2</b>	<b>Tidak Wajar</b>
H1a	Menggunakan kekuatan tentera	H2a	Memerlukan kos yang tinggi
H1b	Kekerasan dibalas dengan kekerasan	H2b	Negara terpaksa berhutang
H1c	Melemahkan gerakan komunis	H2c	Pendekatan diplomasi / rundingan lebih baik
H1d	Menjamin keamanan negara	H2d	Banyak nyawa / orang yang terkorban
H1e	Menghilangkan keimbangan / ketakutan penduduk	H2e	Harta benda awam musnah
H1f	Melindungi harta benda penduduk	C	Rumah / sekolah / bangunan musnah
H1g	Melindungi nyawa penduduk	H2f	Hanya melibatkan pihak kerajaan
H1h	Menimbulkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>	H2g	Perlu juga melibatkan kerjasama rakyat
		H2h	Memenangi hati dan fikiran rakyat <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>

## 6.5 Tragedi Hubungan antara Kaum

5. "Peristiwa 13 Mei memberi peringatan tentang kebenaran peribahasa kalah jadi abu, menang jadi arang kerana konflik itu merugikan semua kaum, selain menjelaskan imej negara di persada antarabangsa. Kejadian itu turut menuntut keperluan menghormati kontrak sosial (kini Perlembagaan Persekutuan) tentang agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa kaum Melayu dan kelompok asal Sabah dan Sarawak, serta kedaulatan raja Melayu."

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my/article/27800/BERITA/Nasional>

(Buku teks m.s. 129 – 131)

- (a) Terangkan faktor yang mencetuskan peristiwa tersebut.

F1 <b>Keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969</b>	F2 <b>Ketidakseimbangan taraf hidup antara kaum</b>
H1a     Ketegangan bermula ketika berkempen	H2a     pencapaian ekonomi dan sosial berbeza
H1b     Parti politik menyentuh sensitiviti kaum tertentu	
H1c     Menggunakan isu perkauman	F3 <b>PKM menggunakan kesempatan</b>
H1d     Membangkitkan sentimen keagamaan	H3a     Mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum
H1e     Perarakan selepas kemenangan pilihan raya	
H1f     Menimbulkan kekacauan	
H1g     Parti politik memprovokasikan parti lawan	

- (b) Langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menghalang rusuhan tersebut daripada merebak amat berkesan.

Buktikan pernyataan tersebut?

F1 <b>Pengisytiharan perintah darurat</b>	F5 <b>Penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)</b>
H1a     Perlembagaan negara digantung	H5a     Terdiri daripada pengawai perkhidmatan awam / pengawai tinggi polis / tentera
H1b     Parlimen ditangguhkan	H5b     Diberikan kuasa memerintah semasa darurat
H1c     Mewujudkan pusat perlindungan di beberapa tempat	H5c     Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara
F2 <b>Pelaksanaan perintah berkurung</b>	H5d     Menyelesaikan masalah perpaduan
H2a     Orang ramai tidak dibenarkan keluar	H5e     Mengatasi ketidakseimbangan ekonomi antara kaum
H2b     Dikehendaki tinggal di kediaman masing-masing	F6 <b>Peranan Raja-raja Melayu</b>
F3 <b>Penubuhan Jawatankuasa</b>	H6a     Sultan Perak menasihati rakyat agar menjaga keamanan
H3a     Menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan	H6b     Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah
H3b     Berita pihak media ditapis	H6c     Dianggotai oleh pemimpin masyarakat / ahli politik
H3c     Memastikan kesahihannya	H6d     Menulis surat rayuan kepada penduduk
F4 <b>Penubuhan pusat perlindungan</b>	H6e     Agar bertengang / membantu negara mengekalkan keamanan
H4a     Memastikan penduduk memperoleh bekalan makanan	H6f     Raja negeri lain juga minta rakyat mematuhi undang-undang
H4b     Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan	
C4      Di Stadium Merdeka / Tiong Nam Settlement	
H4c     Memagar kawasan Kampung Baru	
H4d     Menjadikan kawasan perintah berkurung yang besar	
H4e     Kem tentera juga dijadikan tempat perlindungan di bawah kawalan tentera	

(c) Bagaimanakah keharmonian antara kaum di negara kita dapat terus dipelihara dan dikenalkan? [8 markah]

• Penskoran berdasarkan holistik / rubrik	F1	<b>Mewujudkan keseimbangan ekonomi yang adil</b>
• Aras 4 = 7 – 8 markah	H1a	Memastikan rakyat menikmati taraf hidup yang sama
• Aras 3 = 5 - 6 markah	H1b	Mengelakkan jurang ekonomi yang menimbulkan prasangka
• Aras 2 = 3 - 4 markah	H1c	Taraf hidup yang berbeza
• Aras 1 = 1 - 2 markah	H1d	Melaksanakan dasar-dasar ekonomi mengikut kumpulan sasaran
	C	Membasmi kemiskinan tegar
	H1e	Menghapuskan pemisahan kaum mengikut penempatan / pekerjaan
	Inf	Memenuhi keyakinan setiap rakyat bahawa kebajikan mereka dijamin oleh kerajaan
	F2	<b>Mempergiatkan kegiatan kemasyarakatan</b>
	H2a	Melibatkan rakyat pelbagai kaum
	C	Gotong-royong / penubuhan bukan kerajaan (NGO)
	H2b	Membuka peluang / ruang untuk saling mengenali
	H2c	Menyemai nilai toleransi / hormat-menghormati dari sekolah
	H2d	Menggalakkan aktiviti ko-kurikulum melibatkan pelajar pelbagai kaum
	H2e	Menerapkan ilmu kepentingan perpaduan
	Inf	Prinsip Rukun Negara diterapkan dalam kehidupan seharian

**BAB 7 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**
**K1: Soalan Objektif**

**Arahan:** Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

**7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan integrasi nasional? (Buku teks m.s. 140)
  - A. Masyarakat pelbagai kaum
  - B. Proses membentuk satu bangsa
  - C. Fahaman politik berdasarkan kaum
  - D. Pendidikan vernakular dalam masyarakat
  
2. Sistem Pendidikan Vernakular telah diperkenalkan semasa pentadbiran British. Apakah kesan pengenalan sistem tersebut? (Buku teks m.s. 141)
  - A. Mampu meningkatkan taraf hidup pribumi
  - B. Melahirkan masyarakat berkemahiran
  - C. Mampu menyatukan penduduk pelbagai kaum
  - D. Telah mewujudkan perbezaan pemikiran antara kaum

**7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan**

3. Apakah penambahbaikan yang dilakukan dalam Kajian Aminuddin Baki dalam sistem pendidikan negara? (Buku teks m.s. 145)
  - I. Bahasa Melayu bahasa pengantar
  - II. Penekanan kepada subjek Sejarah
  - III. Memperkenalkan kursus kemahiran
  - IV. Sistem persekolahan aneka jurusan
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
  
4. Apakah hasil Laporan Jawatankuasa Kabinet? (Buku teks m.s. 146)
  - A. Pengenalan KBSR dan KBSM
  - B. Pengenalan Ordinan Pelajaran
  - C. Pengenalan Sekolah Teknik dan Vokasional
  - D. Pengenalan Kurikulum berorientasikan negara

**7.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan**

5. Mengapakah institusi berikut ditubuhkan? (Buku teks m.s. 149)
  - Institut Alam dan Tamadun Melayu
  - Institut Bahasa, Kesusasteraan & Budaya

- A. Memantapkan perpaduan kaum
- B. Melahirkan masyarakat berkemahiran
- C. Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- D. Memperkasa kedudukan Bahasa Melayu

**7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan**

6. Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan. (Buku teks m.s. 150)
  - A. Perpaduan kaum melalui kebudayaan
  - B. Memupuk dan memelihara kebudayaan kebangsaan
  - C. Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
  - D. Penglibatan pelbagai kaum dalam mempromosikan pelancongan

**7.5 Sukan Sebagai Alat Perpaduan**

7. Apakah kepentingan sukan dalam aktiviti kurikulum kalangan murid sekolah? (Buku teks m.s. 152)
  - I. Mengisi masa lapang
  - II. Merapatkan hubungan antara murid
  - III. Menggerakkan hubungan antara kaum
  - IV. Menarik kedatangan atlet dari luar negara

A. I dan II	C. II dan III
B. I dan IV	D. III dan IV

8. Maklumat di bawah ini adalah berkaitan dengan sukan di peringkat antarabangsa. (Buku teks m.s. 153)

- Le Tour de Langkawi
- Sukan Komanwel
- Piala Thomas

Apakah kepentingan sukan tersebut kepada negara kita?

- A. Menggalakkan perpaduan kaum
- B. Menambah pendapatan peniaga
- C. Menjadi tumpuan pelancongan sukan
- D. Menjadikan Malaysia terkenal di mata dunia

**7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara**

9. Apakah yang anda faham tentang Rukun Negara?

(Buku teks m.s. 157)

- I. Taraf hidup dipertingkatkan
  - II. Kebebasan mutlak untuk semua rakyat
  - III. Membantu mengeratkan perpaduan antara kaum
  - IV. Mengandungi nilai kenegaraan dan norma sosial
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

10. Bagaimanakah Rukun Negara membantu membina masyarakat yang liberal?

(Buku teks m.s. 158)

- A. Menganggap diri sebagai rakyat Malaysia
- B. Bebas mengamalkan agama, adat dan budaya
- C. Kebebasan berpolitik dengan mematuhi Perlembagaan Negara
- D. Mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara

## 7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional

1. Selepas mencapai kemerdekaan, usaha memperkasa perpaduan dan integrasi nasional telah dilaksanakan secara konsisten dan berterusan sehingga hari ini.

- (a) Nyatakan **dua** langkah politik yang dilaksanakan bagi mencapai hasrat tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Aspek ekonomi turut diberi perhatian bagi mencapai perpaduan dan Integrasi Nasional. Buktiakan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

- (c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan menjaga perpaduan dan keharmonian dalam negara?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

**Skema Soalan 1** (Buku teks m.s. 142-143)

- (a) F1: Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara  
F2: Mewartakan Majlis Muhibah Negara  
F3 : Penubuhan Majlis Perundingan Negara  
F4 : Gabungan Parti Politik  
F5 : Menyelaraskan Perkhidmatan Awam

(b) F1: Meneruskan Rancangan Pembangunan 5 tahun  
F2: Pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB)  
F3: Pengenalan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)  
F4: Penumpuan pada pembangunan masyarakat luar bandar dan wilayah  
F5: Pengenalan Zon Perindustrian Bebas  
F6: Peluang pekerjaan di bandar  
F7 : Pembangunan ekonomi wilayah termasuk Sabah Sarawak

(c) M1: Hidup dalam keadaan aman  
M2: Ekonomi berkembang pesat  
M3: Pembangunan negara bersasar  
M4: Membentuk identiti sendiri  
M5: Melahirkan masyarakat yang setia  
*(Mana-mana jawapan munasabah)*

Ruangan Catatan

## **7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan**

2. Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971.

- (a) Nyatakan matlamat pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

(i)

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

- (b) Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibina berlandaskan **tiga** prinsip utama bagi mencapai matlamat penubuhannya. Nyatakan prinsip tersebut.

[3 markah]

**Skema Soalan 2 (Buku teks m.s. 150-151)**

(a) F1: Mengukuhkan perpaduan melalui kebudayaan  
F2: Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan  
